



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK CHE MURAD SAYANG BIN RAMJAN
KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS APRESIASI RAKAN STRATEGIK
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
TAHUN 2025**

PADA

1 JULAI 2025 (SELASA)

BERTEMPAT

BANGI RESORT HOTEL

Assalamualaikum wbt dan Salam Kebajikan.

Terima kasih saudara pengacara majlis.

SALUTASI

(Akan disediakan kemudian)

1. Pertama sekali saya amat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam satu majlis yang amat bermakna kepada jabatan dalam meraikan rakan strategik dan para sukarelawan JKM yang banyak membantu jabatan dalam pelbagai keadaan dan situasi.
2. Pada kesempatan ini, jabatan ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri yang sudi melapangkan masa bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam Majlis Apresiasi Rakan Strategik JKM Tahun 2025.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menyokong segala usaha jabatan dalam usaha memperkasakan rakan strategik. Penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua Kerajaan Negeri dan agensi-agensi negeri, NADMA, Angkatan Tentera Malaysia, Kementerian-kementerian, semua agensi di bawah KPWK, Jabatan Kerajaan Persekutuan dan negeri, para Sukarelawan JKM dan rakan

strategik JKM yang dapat hadir pada hari ini. JKM sentiasa mendapat kerjasama daripada ahli Jawatankuasa Bencana Negara dan rakan-rakan di komuniti seluruh negara.

YB Datuk Seri/YBhg. Tan Sri/Datuk-Datuk/YBrs. Dr/Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

4. Jabatan Kebajikan Masyarakat diberi tanggungjawab dalam menguruskan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dalam menempatkan mangsa bencana. Dalam menguruskan PPS, jabatan juga bertanggungjawab menyelaraskan dan mengagihkan sumbangan-sumbangan yang diterima daripada semua pihak khusus untuk mangsa-mangsa bencana. Kerajaan hari ini sentiasa berusaha keras dan komited dalam memastikan kebajikan rakyat terus terbela.
5. Dalam usaha membantu mangsa yang terjejas, pelbagai pihak, termasuk syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan individu telah tampil memberikan sumbangan melalui kerjasama strategik dengan pihak berkuasa dan badan kebajikan. Oleh itu, Majlis Apresiasi Rakan Strategik ini diadakan bagi menghargai jasa mereka serta mengukuhkan hubungan kerjasama untuk bantuan kemanusiaan yang lebih berkesan pada masa akan datang.
6. Seramai 30 rakan strategik Jabatan telah diundang dalam majlis pada hari ini bagi menghargai jasa dan sumbangan rakan penyumbang keperluan bencana dan bantuan-bantuan dari pelbagai pihak bagi memenuhi keperluan mangsa dan kumpulan

sasar lain iaitu orang kurang upaya (OKU), warga emas dan kanak-kanak khususnya di institusi kendalian JKM. Secara keseluruhan nilai sumbangan adalah sejumlah RM5.8 juta yang telah memberi manfaat kepada kira-kira 300,000 orang kumpulan sasar JKM. Mereka ini secara konsisten dan penuh komitmen sentiasa menghulurkan bantuan meringankan beban yang ditanggung oleh mereka yang terkesan akibat bencana serta yang berkeperluan. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kami ucapkan.

YB Datuk Seri/YBhg. Tan Sri/Datuk-Datuk/YBrs. Dr/Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

7. Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha mempergiat penyampaian perkhidmatan melalui pendampingan komuniti agar dapat mengangkat dan memartabatkan kumpulan sasar Jabatan selaras dengan konsep 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama'. Jabatan juga akan sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada masyarakat khususnya kepada kumpulan sasar jabatan. Dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik, rakan strategik sentiasa memainkan peranan dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan dalam bentuk barangan keperluan asas seperti makanan, pakaian, kelengkapan peribadi, dan peralatan tempat tinggal bagi meringankan beban mangsa.
8. Kami merupakan agensi barisan hadapan kerajaan yang memainkan peranan penting dalam membantu membangunkan masyarakat ke arah kesejahteraan, berdikari dan berbudaya penyayang sekaligus memastikan tiada golongan yang terpinggir

daripada menikmati faedah kemakmuran negara. Sebagai agensi yang sangat dekat dengan masyarakat, jabatan ini sentiasa peka dan mengatur strategi bagi menangani cabaran era globalisasi yang kian mencabar. Sejajar dengan usaha tersebut, jabatan menyedari akan kepentingan mengerakkan peranan rakan strategik dalam usaha membantu mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial, agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa, dihormati dan tidak disisihkan selaras dengan konsep masyarakat penyayang.

9. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan kepada semua pihak yang telah menjayakan program hari ini. Marilah kita bersama-sama terus membantu agensi kerajaan untuk manfaat masyarakat.

Sekian, terima kasih

YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

1 Julai 2025